



## SIARAN MEDIA

**LTAT Luncur Kempen “Bersama Wira”***Mengiktiraf Jasa dan Pengorbanan Wira Negara*

**KUALA LUMPUR, 22 September 2025** – Lembaga Tabung Angkatan Tentera (“LTAT”) hari ini melancarkan Kempen Bersama Wira, sekali gus memperkuuh komitmen LTAT terhadap misinya untuk memperkasakan kesejahteraan sosioekonomi para pencarum.

Kempen ini membuka ruang kepada orang ramai untuk menzahirkan penghargaan kepada wira negara, selaras dengan pendekatan *whole-of-nation*. Golongan penerima manfaat terdiri daripada keluarga Angkatan Tentera Malaysia (“ATM”) yang berdepan penyakit kritikal atau cabaran kehidupan di kem-kem ATM seluruh negara.

Dana yang dikumpulkan akan disalurkan dalam bentuk pakej bantuan mengandungi barang keperluan asas, yang diperoleh daripada Perbadanan Perwira Niaga Malaysia (“PERNAMA”), anak syarikat milik penuh LTAT yang mengendalikan rangkaian kedai runcit untuk warga ATM dan keluarga mereka.

“Di LTAT, kami sentiasa komited untuk memperkasakan kesejahteraan sosioekonomi pencarum. Pendekatan kami merangkumi strategi pelaburan yang kukuh untuk menjamin nilai jangka panjang, di samping inisiatif sosial berimpak tinggi yang memberi manfaat terus kepada komuniti ATM. Kempen Bersama Wira mencerminkan iltizam ini, seiring dengan nilai MADANI yang menekankan belas ihsan, keterangkuman dan tanggungjawab bersama,” kata Ketua Eksekutif LTAT, Mohammad Ashraf Md Radzi.

“Melalui kempen ini, LTAT membuka peluang kepada seluruh rakyat Malaysia untuk bersama-sama menghargai jasa wira negara. Mereka yang telah mengabdikan diri mempertahankan kedaulatan dan keselamatan negara ini bukan sahaja berhak menerima penghormatan, malah memerlukan sokongan kolektif kita ketika berdepan waktu sukar. Bersama, kita dapat memastikan pengorbanan mereka dihargai dan dizahirkan secara nyata bagi memberi kesan yang bermakna,” tambah beliau.

Peluncuran kempen ini telah disempurnakan oleh Pengerusi LTAT, Jeneral Tan Sri Dato’ Sri Azizan bin Ariffin TUDM (Bersara) bersama Ketua Eksekutif LTAT, Encik Mohammad Ashraf bin Md Radzi, yang diadakan semasa Program *The WIRA Forum* yang berlangsung di Royale Chulan Kuala Lumpur.

*The WIRA Forum* yang julung kalinya dianjurkan bertujuan untuk menjadi wadah bagi mencetuskan dialog, menghimpunkan idea, pengalaman dan pandangan yang mampu memperkuuhkan aspirasi nasional dalam memelihara keharmonian serta kedaulatan negara dengan menjadikan perspektif ATM sebagai rujukan utama. Forum ini turut menampilkan tokoh-tokoh negara yang merupakan mantan Panglima Angkatan Tentera, termasuk Jeneral Tan Sri Dato’ Sri Azizan Ariffin TUDM (Bersara).

-TAMAT-

**Mengenai Lembaga Tabung Angkatan Tentera (“LTAT”)**

Ditubuhkan pada Ogos 1972 di bawah Akta Tabung Angkatan Tentera (Akta 101), Lembaga Tabung Angkatan Tentera (“LTAT”) adalah sebuah badan berkanun yang bertanggungjawab menguruskan dana persaraan bagi pegawai dan anggota lain-lain pangkat Angkatan Tentera Malaysia (“ATM”). Untuk maklumat lanjut mengenai LTAT, layari [www.ltat.gov.my](http://www.ltat.gov.my).

**PERHUBUNGAN MEDIA**

**Izzat Alhadjri**

**Pengarah,**

**Ketua Komunikasi Strategik**

E-mel : izzat.alhadjri@ltat.gov.my  
No. Tel : +603- 4815 8888  
Laman web : [www.ltat.gov.my](http://www.ltat.gov.my)